

R B980 DEB
MAHATHIR - DADAH

ALOR SETAR, 7 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA SEMUA PIHAK MENYOKONG USAHA PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA (PEMADAM) MEMERANGI DADAH.

SEGALA USAHA PEMADAM AKAN LEBIH BERJAYA DENGAN SOKONGAN DARIPADA SEMUA PIHAK, KATANYA DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMENA PERHIMPUNAN KE-11 PEMADAM DI SINI SABTU INI.

+SAYA MENYERU SEMUA PIHAK SUPAYA MEMBERI KERJASAMA SEPENUHNYA KEPADA PEMADAM DAN SAMA-SAMA MEMIKUL TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENYEKAT GEJALA WABAK DADAH DARIPADA TERUS MENULAR DAN BERLELUASA DI NEGARA INI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMADAM SELAKU BADAN INDUK KEPADA BADAN-BADAN SUKARELA YANG MEMERANGI DADAH TELAH MENUNJUKKAN KESUNGGULANNYA DALAM MENJAYAKAN KEGIATAN MEMBANTERAS SERTA MENCEGAH WABAK DADAH.

+SAYA BERHARAP USAHA SEPERTI INI AKAN DAPAT DITERUSKAN LAGI BAGI MENYEKAT GEJALA INI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.
1320MST 07 07 86

R B981 DEB
MAHATHIR - DADAH 2 ALOR SETAR

YANG DIPERTUA PEMADAM KEBANGSAAN DATUK RAIS YATIM DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU YANG SAMA BERKATA BAHAWA PERSATUAN ITU PERLU MENYOROT KEMBALI DAN MENILAI SEMULA PRESTASINYA SELAMA INI.

SUNGGUHPUN SEJAK 10 TAHUN LEPAS BANYAK PERKARA YANG TELAH DISEMPURNAKAN OLEH PEMADAM, MASIH BANYAK LANGKAH SERTA OPERASI YANG PERLU DIKAJI SEMULA, DIPERBAIKI DAN DITOKOK-TAMBAH, KATANYA.

PERHIMPUNAN TAHUNAN PEMADAM ITU AKAN DIRASMIKAN OLEH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF. -- BERNAMA.
1321MST 07 07 86